

## BAB 3

### METODOLOGI

#### 3.0 Pengenalan

Metodologi adalah kaedah yang digunakan untuk membuat penyelidikan. Bagi membuat kajian ini, pengkaji telah memilih metodologi-metodologi seperti berikut:

- a. Sampel
- b. Kaedah
- c. Prosedur kajian
- d. Analisis data
- e. Bahan bantu penyelidikan
- f. Rumusan dan kajian data

#### 3.1 Sampel

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih sampel di kalangan pelajar-pelajar tingkatan 5 di sebuah sekolah di kawasan Kota Bharu, Kelantan. Sampel adalah terdiri daripada pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi Asas sebagai mata pelajaran elektif dalam Sijil Pelajaran Malaysia.

Bilangan sampel yang dipilih ialah seramai 50 orang yang terdiri daripada 20 pelajar lelaki dan 30 pelajar perempuan.

### **3.2 Kaedah**

Kaedah kajian atau penyelidikan yang digunakan adalah melalui 3 kaedah:

- a. Kepustakaan
- b. Analisis soalan peperiksaan
- c. Soal maklumat

#### **3.2.1 Kepustakaan**

Melalui kaedah ini, pengkaji mengkaji mengenai buku-buku yang berkaitan seperti jurnal-jurnal dan buku Laporan Peperiksaan yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain itu media cetak yang meliputi majalah-majalah, akhbar-akhbar dan lain-lain yang difikirkan sesuai dengan penyelidikan juga dirujuk. Tidak ketinggalan juga buku-buku rujukan yang berkaitan dengan Ekonomi Asas juga turut dirujuk.

### **3.2.2 Soalan Peperiksaan Ekonomi Asas Kertas I.**

Kaedah penyelidikan ini dibuat dengan mengkaji soalan Ekonomi Asas Kertas I (aneka pilihan) dan soalan esei. Bilangan soalan dalam Kertas I ini mengandungi 40 soalan. Kaedah ini dipilih kerana pengkaji merasakan bahawa melalui soalan aneka pilihan 'bias' dan keadaan emosi tidak mempengaruhi pemarkahan kepada pelajar. Melalui kaedah ini pelajar dikehendaki mengenalpasti mengapa kesilapan dilakukan oleh mereka dari sudut bahasa. Soalan esei pula mengandungi 2 soalan. Kertas ini bertujuan untuk mengenalpasti kesilapan penguasaan bahasa yang dilakukan sendiri oleh pelajar semasa menjawab soalan.

### **3.2.3 Soal Maklumat**

Melalui kaedah soal maklumat ini pelajar yang sama juga akan diberi satu borang soal selidik untuk dijawab. Soalan soal selidik ini merupakan soalan mudah yang berkaitan dengan penguasaan bahasa pelajar dan perkara-perkara lain yang berhubung dengannya. Soal selidik ini hanya mengandungi 9 soalan mudah yang perlu dijawab 'ya' atau 'tidak'. (Lihat lampiran 6)

### **3.3 Prosedur Kajian**

Permulaan kajian pengkaji membuat rujukan terhadap kesesuaian bahan-bahan bacaan, buku-buku, jurnal-jurnal dan bahan-bahan bercetak yang lain bersesuaian dengan penyelidikan. Kelemahan-kelemahan pelajar dalam menjawab soalan Ekonomi Asas juga dikaji melalui pengalaman-pengalaman pelajar menjawab soalan peperiksaan terdahulu. Selain itu juga pengkaji merujuk Laporan Peperiksaan Ekonomi Asas yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

#### **3.3.1 Pengujian**

Pada peringkat kedua ini pengujian dibuat berdasarkan kepada Peperiksaan Percubaan Sijil Pelajaran Malaysia. Pengujian dibuat ke atas dua bentuk soalan peperiksaan yang wajib diambil oleh pelajar-pelajar yang mengambil elektif Ekonomi Asas.

Bentuk pengujian ialah melalui soalan objektif dan soalan esei. Pelajar dikehendaki menjawab 40 soalan aneka pilihan dan 2 soalan esei. Peruntukan masa yang diberi untuk peperiksaan ini ialah dua jam. (Lihat lampiran 3 dan 4)

Rasional pengkaji memilih Peperiksaan Percubaan SPM ini sebagai bahan kajian kerana ia lebih menepati bentuk peperiksaan sebenar. Pengawasan dilakukan oleh guru dengan sempurna dan pelajar sendiri lebih bersedia untuk peperiksaan. Selain itu kaedah ini juga dipilih kerana pengkaji boleh meneliti sendiri jawapan pelajar dan membuat analisis data tanpa halangan mana-mana pihak.

### **3.3.2 Soal Maklumat**

Soal maklumat ini dibuat bertujuan untuk mengenalpasti kesilapan yang berlaku di kalangan pelajar. Pelajar akan diberi dua borang soal maklumat untuk diisi. Soal maklumat pertama ialah mengenai sebab-sebab pelajar membuat kesalahan dalam menjawab soalan dengan melihat aspek bahasa dan soal maklumat kedua ialah mengenai penguasaan bahasa pelajar sehari-hari. Soal maklumat ini akan dikendalikan sendiri oleh pengkaji.

### **3.4 Analisis Data**

Selepas semua data dikumpulkan, pengkaji mula membuat analisis data. Dua pendekatan telah dibuat oleh pengkaji dalam menganalisis data.

Pendekatan pertama dan kedua ialah melalui ujian soalan aneka pilihan dan soalan esei di mana analisis data dibuat seperti berikut:

- a. Analisis kesilapan bahasa secara keseluruhan
- b. Analisis kesilapan struktur ayat
- c. Analisis kesilapan penguasaan istilah
- d. Analisis kesilapan penguasaan morfologi

Pendekatan kedua yang digunakan oleh pengkaji ialah dengan menganalisis data-data yang diberi dalam borang soal selidik.

### **3.5 Bahan Bantu Penyelidikan**

Bahan bantu meliputi peralatan-peralatan yang digunakan untuk membuat kajian. Antara instrumentasi yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah:

- a. Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas tingkatan 4 dan 5
- b. Soalan peperiksaan Percubaan Ekonomi Asas Kertas I (aneka pilihan) dan kertas 2 (soalan esei)
- c. Kertas jawapan pelajar
- d. Borang-borang soal selidik

### **3.6 Rumusan dan Kajian Dapatan**

Selepas analisis data dilakukan pengkaji akan mencuba untuk membuat rumusan dan dapatan tentang kesilapan pelajar dalam menjawab soalan.

### **3.7 Kesimpulan**

Melalui kaedah yang digunakan ini pengkaji akan memastikan kajian yang dibuat dapat mencapai objektif-objektif yang telah dirangka. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi faedah kepada semua pihak yang terlibat.